

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana Majlis Bencana Alam yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk menghadapi masalah banjir dan *El Nino*. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengimport beras untuk bekalan "buffer stock" beras negara.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat merupakan jawatankuasa peringkat tertinggi pengurusan bencana di Malaysia. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012) dengan jelas telah menerangkan mengenai kaedah koordinasi gerak kerja pengurusan bencana di setiap peringkat pentadbiran Daerah, Negeri dan Pusat. Pegawai Daerah dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing bertanggungjawab sebagai Pengerusi di peringkat Daerah dan Negeri manakala Jawatankuasa di peringkat Pusat dipengerusikan oleh sama ada YAB Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau YB Menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri. Pada masa kini, YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri telah dilantik untuk mempengerusikan Jawatankuasa ini di peringkat Pusat.

Untuk makluman Dewan, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 3 Januari 2014 lalu merupakan sidang yang dianjurkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri yang telah bermesyuarat pada 18 Disember 2013.

Dalam usaha untuk menambahbaik gerak kerja pengurusan bencana, Pelan Kontingensi Menghadapi Situasi Banjir Ekstrem yang telah diguna pakai oleh agensi-agensi pengurusan bencana bermula pada 16 Disember 2013 lalu di mana tugas dan tanggungjawab setiap agensi

telah ditambah baik termasuklah kaedah menangani bencana banjir luar jangka. Pelan ini perlu dibaca bersama dengan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir. Ini adalah tambahan kepada Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir telah dikeluarkan MKN, JPM yang menjadi panduan Jabatan/Agensi dalam menangani bencana berkenaan dengan lebih bersepakut, terselaras dan berkesan.

Pelaksanaan tindakan oleh Jabatan/Agensi yang terlibat dalam menangani bencana banjir dalam aspek-aspek pencegahan, persediaan, tindakan balas serta bantuan dan pemulihan hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada kecemerlangan tugas yang dijalankan supaya segala penggunaan sumber dalam menangani bencana yang berlaku memberikan hasil yang maksimum ke atas keselamatan awam (*public safety*).

Bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan dan jawatankuasa ini terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Penubuhan jawatankuasa ini membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah persediaan di peringkat kebangsaan dilakukan secara menyeluruh bagi menghadapi fenomena *El Nino* yang diramalkan berlaku. Selain itu, semua langkah persediaan bagi menghadapi impak fenomena *El Nino* dapat diselaraskan bagi memastikan penggunaan sumber-sumber dapat dioptimumkan.

Jawatankuasa ini merupakan kesinambungan kepada penganjuran siri-siri mesyuarat peringkat kumpulan kerja yang telah diadakan sejak krisis bekalan air dilaporkan berlaku pada Februari 2014 yang lalu.

Keputusan-keputusan yang dicapai oleh Jawatankuasa ini telahpun dibentang kepada perhatian Jemaah Menteri. Dengan mengambil kira kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia pada 10 September 2014 bahawa fenomena *El Nino* masih belum berlaku sehingga kini dan sekiranya berlaku hanya pada tahap lemah, Kementerian berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mengadakan mesyuarat susulan bagi jawatankuasa tersebut. Namun demikian, Kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sentiasa membuat pemantauan yang berterusan terhadap kedudukan bekalan air di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan yang kritikal seperti di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Dalam usaha untuk memastikan pengeluaran makanan negara tidak terjejas akibat daripada bencana atau serangan penyakit, Kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) telah menetapkan Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras negara berada pada tahap 70% bagi tempoh 10 tahun akan datang manakala bakinya ditampung melalui import. Namun begitu, keadaan tersebut akan dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira faktor keselamatan makanan dan perubahan iklim semasa.

Selain itu, stok penimbang beras negara akan dapat memastikan langkah penyelesaian jangka pendek bagi memenuhi keperluan beras dalam negara sekiranya berlaku apa-apa bencana. Stok penimbang tersebut telah ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik dan boleh bertahan selama 45 hari. Walau bagaimanapun, mengambil kira pegangan semua stok beras yang melibatkan "trading stock" oleh BERNAS, pemborong dan pengilang-pengilang dalam satu-satu masa, jumlah beras dalam negara dianggarkan melebihi 700,000 tan metrik. Jumlah ini mampu

menampung keperluan beras dalam negara untuk tempoh 4 hingga 5 bulan.

Sekian. Terima kasih.